



KEMENTERIAN KEWANGAN  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

# LAPORAN PROGRAM INOVASI JANM TAHUN 2023

Disediakan oleh:  
Urusetia Jawatankuasa Kerja Inovasi JANM

## PELAKSANAAN PROGRAM INOVASI JANM TAHUN 2023

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah merancang pelaksanaan tiga belas aktiviti inovasi sepanjang tahun 2023. Kesemua aktiviti yang dirancang telah berjaya dilaksanakan oleh Bahagian yang terlibat seperti Rajah 1 berikut:



Rajah 1 : Kalendar Inovasi JANM Tahun 2023

Perincian bagi setiap aktiviti inovasi yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023 adalah seperti berikut:

### **PERTANDINGAN IDEA INOVASI JANM**

Pertandingan Idea Inovasi diadakan bertujuan untuk memupuk budaya inovasi dan kreativiti di kalangan warga JANM yang mampu membantu dan mendatangkan kebaikan kepada organisasi. Tempoh pertandingan bermula dari 15 April hingga 15 Jun 2023. Sebanyak 27 penyertaan telah diterima oleh urus setia pertandingan dan tiga (3) pemenang pilhan juri adalah seperti berikut:

<b>Kedudukan</b>	<b>Nama Pemenang</b>	<b>JANM Bahagian/Negeri</b>	<b>Tajuk Idea Inovasi</b>
Pertama	Puan Nor Azneyani binti Zakaria	BPOPA	Penambahbaikan Proses Penghantaran, Penyemakan & Kelulusan Borang Kuasa Tetap AK52 bagi Pemegang Panjar Melalui Sistem iGFMS
Kedua	Puan Siti Sarlina binti Saleh	JANM Selangor	<i>Easy Pocket - Human Capital Management (HCM) Notes (Rainbow)</i>
Ketiga	Encik Muhamad Faiz Fakhrudin bin Che Ariff	BKP	Wujud <i>Web Based Flow Chart</i> Bagi Penentuan <i>Accounting Treatment</i> MPSAS

### **PERTANDINGAN VIDEO KREATIF TIKTOK INOVASI JANM**

Pertandingan Video Kreatif TikTok Inovasi telah diadakan bermula 11 Jun hingga 18 Ogos 2023. Tujuan pertandingan ini diadakan adalah untuk mewujudkan warga kerja yang sentiasa mengikuti perkembangan teknologi semasa serta aktif menyebarkan maklumat yang tepat mengenai perkhidmatan Jabatan. Pertandingan ini telah menerima sebanyak 18 penyertaan. Senarai pemenang pertandingan adalah seperti berikut:

<b>Kedudukan</b>	<b>Nama Pemenang</b>	<b>JANM Negeri</b>	<b>Tajuk Video Kreatif TikTok</b>
Pertama	Kumpulan Areca	JANM Pulau Pinang	Automasi Bayaran Keselamatan Madani
Kedua	Kumpulan Nilam Kinabalu	JANM Sabah	Pendigitalan Memadankan
Ketiga	Kumpulan Tak Ranjau	JANM Pulau Pinang	Jom Kenali eGUMIS

## KURSUS PENYEDIAAN DOKUMEN DAN PERSEMBAHAN PROJEK KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) JANM

Kursus Penyediaan Dokumen dan Persembahan Projek KIK JANM telah diadakan pada 8 hingga 10 Jun 2023 di Mardhiyyah Hotel & Suites, Shah Alam. Jumlah penyertaan adalah seramai 52 orang yang terdiri daripada wakil JANM Bahagian/Negeri dan Cawangan. Penceramah jemputan adalah En. Al-Bakri Mohammad yang bertugas sebagai Pensyarah di UiTM Rembau, Negeri Sembilan. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberi pengetahuan bagi persediaan menghadapi Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif yang dianjurkan pada Oktober 2023.



Peserta warga JANM yang hadir ke Kursus Penyediaan Dokumen dan Persembahan Projek KIK JANM

## LAWATAN INOVASI

Lawatan Inovasi telah diadakan pada 21 Jun 2023 di pejabat Microsoft Malaysia disertai oleh wakil Bahagian dan diketuai oleh Jawatankuasa *Robotic Automation Process* (RPA) JANM. Melalui lawatan ini, wakil JANM telah diberi penerangan mengenai perkara berkaitan RPA seperti Power BI, Power Apps, Power Automate serta Power Virtual Agents. Wakil JANM juga dibawa melawat pejabat Microsoft Malaysia yang berkonsepkan *digital workspace* dan *open space* sepenuhnya.



Sesi bergambar di pejabat Microsoft Malaysia

## LAWATAN INTEGRITI

Lawatan integriti telah diadakan pada 18 Julai 2023 bertempat di Penjara Kajang. Seramai 29 wakil Bahagian JANM telah menyertai lawatan tersebut. Antara objektif lawatan ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada warga mengenai aktiviti warga penjara sepanjang mereka di tahanan serta mewujudkan keinsafan dalam diri warga JANM.



Warga JANM bergambar di Penjara Kajang

## PERTANDINGAN MENULIS ARTIKEL INOVASI JANM

Pertandingan Menulis Artikel Inovasi telah dijalankan pada setiap tahun bertujuan untuk menyemai dan memupuk sikap inovasi dan integriti di kalangan warga JANM. Pertandingan ini telah diadakan bermula pada 10 Julai hingga 11 September 2023 dan telah menerima sebanyak 16 penyertaan. Senarai pemenang pertandingan adalah seperti berikut:

Kedudukan	Nama Pemenang	JANM Bahagian/ Negeri	Tajuk Artikel
Pertama	Puan Sofia binti Mohd Sopee	BPAD	Lonjakan Transformasi JANM dalam Merekayasa Perakaunan Digital Negara
Kedua	Puan Izlin Idayu binti Musa	JANM Selangor	Menggalakkan Budaya Tadbir Urus Baik dalam Perakaunan Sektor Awam Melalui Inovasi Digital Serta Cabarannya
Ketiga	Encik Lutfi bin Anuar	BPTM	Pemodenan Perakaunan Sektor Awam Melalui Inovasi RPA

## PERTANDINGAN PANTUN INOVASI

Pertandingan Pantun Inovasi telah diadakan pada 24 Julai hingga 31 Ogos 2023. Tujuan pertandingan ini diadakan adalah untuk mengekal dan mengembangkan pantun dan seni berpantun sebagai puisi tradisional khazanah dan warisan bangsa. Senarai pemenang pertandingan adalah seperti berikut:

Kedudukan	Nama Pemenang	JANM Bahagian/Negeri	Tajuk Pantun
<b>Kategori Individu</b>			
Pertama	Puan Anisa binti Ariffin	JANM Sabah	Menyusuri Arus Pendigitalan
Kedua	Encik Muhammad Ariff Mustaqim bin Mohd Yusoff	JANM Selangor	Pembudayaan Inovasi Digital
Ketiga	Puan Noraini binti Azeman	JANM Selangor	Budaya Pendigitalan Ke Arah Malaysia Madani
<b>Kategori Berkumpulan</b>			
Pertama	Kumpulan Pesona Anggerik	JANM Selangor	Pendigitalan Kerajaan Aspirasi Negara
Kedua	Kumpulan Nilam Sari	BPAD	Ceritera Inovasi Dan Pendigitalan
Ketiga	Kumpulan Sandiwara Duo	JANM Sabah	Diambang Literasi Pendigitalan

## PERTANDINGAN KECERIAAN TANGGA

Pertandingan Keceriaan Tangga diadakan bertujuan untuk menjadikan fasiliti tangga satu tempat yang menarik, berinformasi dan mesra pengguna. Tempoh pertandingan adalah bermula 26 Julai hingga 8 September 2023 dan terbuka kepada semua Bahagian di JANM Ibu Pejabat dan Persatuan. Tiga pemenang yang telah dipilih adalah seperti berikut :

Kedudukan	JANM Bahagian
Pertama	BKP
Kedua	BPPP
Ketiga	BPAD



Sesi Penjurian Pertandingan Keceriaan Tangga JANM Tahun 2023

## **CERAMAH MOTIVASI**

Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut (BWTD) dengan kerjasama Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ MAIWP) telah menganjurkan satu ceramah motivasi pada 27 September 2023. Tajuk ceramah motivasi iaitu Nabi Muhammad S.A.W. Rahmat Sekalian Alam telah disampaikan oleh Ustaz Fauzi Mustaffa bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 7, JANM Ibu Pejabat dan disiarkan secara dalam talian.



Poster Ceramah Motivasi JANM Tahun 2023

## CERAMAH INOVASI

Satu Ceramah Inovasi bertajuk ‘Meningkatkan Produktiviti Meneroka Kuasa Generatif AI dengan ChatGPT’ telah disampaikan oleh Encik Mohd Firdaus bin Mohamed Khairi dari MAMPU pada 20 Oktober 2023 di Dewan Serbaguna, Aras 7 JANM dan secara dalam talian. Ceramah ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kefahaman mengenai inovasi dari sudut pembangunan kerjaya bagi warga JANM untuk masa hadapan.



Poster Ceramah Inovasi JANM Tahun 2023



## **PERTANDINGAN LARIAN INOVASI**

Pertandingan Larian Inovasi telah diadakan pada 1 hingga 15 Ogos 2023. Pertandingan ini diadakan untuk memberi kesedaran kepada warga JANM kepentingan hidup secara sihat selari dengan arus pemodenan serta dapat mendidik semua untuk mengamalkan gaya hidup sihat dalam aktiviti fizikal terutama dalam bentuk larian. Senarai pemenang adalah seperti berikut :

<b>Kedudukan</b>	<b>Nama Pemenang</b>	<b>JANM Negeri/Cawangan</b>
Pertama	Kumpulan Sonic	JANM Tawau
Kedua	Kumpulan Kaki Ayam	JANM Sabah
Ketiga	Kumpulan Biosel Power	JANM Sabah



Antara peserta yang turut serta dalam Pertandingan Larian Inovasi

## **KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF**

Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) telah diadakan di Dewan Serbaguna, Aras 7 JANM pada 10 Oktober 2023. Tujuan konvensyen ini diadakan adalah untuk mengumpul idea yang kreatif dan inovatif dari warga JANM dalam satu platform khusus untuk perkongsian maklumat dan kepakaran dalam kalangan peserta. Projek yang memenangi konvensyen ini akan dipertimbangkan untuk peluasan pelaksanaan di seluruh JANM. Sebanyak 12 kumpulan telah menyertai konvensyen ini dan pemenang adalah seperti berikut:

Anugerah	Nama Kumpulan	JANM Negeri/Cawangan	Nama Projek
Pertama	Kumpulan Squad Bereh	JANM Terengganu	My EasyComm
Kedua	Kumpulan EVO-X	JANM Johor	Sistem eAP143b
Ketiga	Kumpulan SMART	JANM Tawau	i-Dashboard
Persembahan Terbaik	Kumpulan Creativea	JANM Sri Aman	SPB Tiptop
Montaj Terbaik	Kumpulan MY 13 2.0	JANM Sarawak	Proses Penyediaan Dokumentasi Gaji yang Kurang Efisien
Inovasi Harapan	Kumpulan Infiniti	JANM Melaka	e-Caterer



Gambar sepanjang Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif JANM berlangsung

## MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI & *KNOWLEDGE MANAGEMENT* 2023

Majlis Sambutan Hari Inovasi dan *Knowledge Management* JANM 2023 yang merupakan salah satu aktiviti tahunan di dalam Pelan Tindakan Inovasi JANM 2021-2024 dan acara kemuncak bagi aktiviti inovasi JANM tahun 2023 telah diadakan pada 26 Oktober 2023 bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 7 JANM. Sambutan pada kali ini telah diadakan bersekalikan dengan Sambutan Hari *Knowledge Management* iaitu salah satu inisiatif dalam Pelan Induk Pengurusan Pengetahuan Strategik JANM selari dengan Pelan Strategik *Business* JANM 2019-2023. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBrs. Puan Zainani binti Jusoh, Timbalan Akauntan Negara (Korporat).



Gambar sepanjang Majlis Sambutan Hari Inovasi & *Knowledge Management* JANM berlangsung

----- TAMAT -----